



Ketaksaan dalam Imbuhan Awalan meN- dengan Kata Nama Konkrit Unsur Alam: Analisis Teori Relevans

The Ambiguity of Prefixes meN- with Concrete Nouns of Natural Elements: A Relevance Theory Analysis

Nurul Huda Mohd Saad^{1*} & Nor Hashimah Jalaluddin²

¹Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Cawangan Melaka Kampus Alor Gajah, KM26 Jalan Lendu, 78000 Alor Gajah, Melaka, Malaysia.

²Setiausaha Kehormat, Persatuan Linguistik Malaysia, Aras 5, Wisma DBP, Jalan Dewan Bahasa, 50460 Kuala Lumpur, Malaysia.

^{1*}Corresponding author: nurulsaad@uitm.edu.my

DOI: <https://doi.org/10.37134/pambm.vol3.19.2025>

Abstract

This study aims to tackle the problem of the polysemy in prefix meN-. This study identifies ambiguity of prefix meN-. Then, the ambiguity of prefix meN- is categorised into subgroup, namely the prefix meN- with concrete nouns of the natural elements. This is a qualitative study. The data in this study were obtained from the Corpus Database of Dewan Bahasa dan Pustaka. The research data were analysed using Relevance theory, based on the concepts of bridging cross reference and ad hoc. This study has contributed to the new categorisation of the grammatical ambiguity of prefix meN-. The prefix meN- with the concrete nouns of the natural elements have produced the metaphorical meanings of 'perbandingan melampau' (extreme comparison), 'perbandingan eksplisit' (explicit comparison) and 'perbandingan implisit' (implicit comparison). This study offers an alternative on how the prefix meN- can be presented in the Malay grammar. Za'ba, Arbak, Asmah and Nik Safiah et al. focused more on the form or allomorph of meN- and its function in a sentence. This study is based on the ambiguity of prefix meN-, namely the combination of concrete nouns with the natural elements like batu (the rock), gunung (the mountain), langit (the sky), laut (the sea), bukit (the hill) and busut (the molehill). There is a problem of the polysemy in this prefix for the cases of 'menjadi seperti' (being like), 'seperti/berkeadaan' (like/a state-of-being) and 'berlaku seperti/menyerupai sesuatu' (behaving like/resembling something). This is due to the use of different terms for the same concept and aspect.

Keywords: *ad hoc, bridging cross reference, corpus, explicit comparison metaphor, extreme comparison metaphor, implicit comparison metaphor, polysemy*

Abstrak

Kajian ini bertujuan merungkaikan masalah polisemi dalam imbuhan awalan meN-. Kajian ini mengenal pasti ketaksaan dalam imbuhan awalan meN-. Kemudian, ketaksaan dalam imbuhan ini dikelompokkan mengikut subgolongan kata, iaitu imbuhan awalan meN- dengan kata nama konkrit unsur alam. Kajian ini merupakan kajian kualitatif. Data kajian ini diperolehi daripada Pangkalan Data Korpus Dewan Bahasa dan Pustaka. Data kajian ini dianalisis menggunakan teori Relevans, bersandarkan konsep rangka rujuk silang (bridging cross reference) dan ad hoc. Kajian ini telah menghasilkan pengkategorian makna imbuhan awalan meN- yang baharu. Imbuhan awalan meN- dengan kata nama konkrit unsur alam telah menghasilkan makna metafora bagi 'perbandingan melampau', 'perbandingan eksplisit' dan 'perbandingan implisit'. Kajian ini memberikan suatu alternatif bagaimana imbuhan awalan meN- dipersembahkan dalam nahu Melayu. Za'ba, Arbak, Asmah dan Nik Safiah et al. lebih menumpukan padanan bentuk atau alomorf meN- dan fungsinya dalam sesuatu ayat. Kajian ini terbina atas ketaksaan dalam imbuhan awalan meN- dengan kata nama konkrit unsur alam batu, gunung, langit, laut, bukit



dan busut. Terdapat masalah polisemi dalam imbuhan ini untuk kes ‘menjadi seperti’, ‘seperti/berkeadaan’ dan ‘berlaku seperti/menyerupai sesuatu’. Hal ini disebabkan oleh penggunaan istilah yang pelbagai untuk konsep dan aspek yang sama.

Kata Kunci: ad hoc, korpus, metafora ‘perbandingan eksplisit’, metafora ‘perbandingan implisit’, metafora ‘perbandingan melampau’, Polisemi, rangka rujuk silang

Pengenalan

Penahu terdahulu memberi lebih daripada satu makna (polisemi) untuk imbuhan awalan *meN-* dengan kata nama konkrit unsur alam *busut*, *bukit*, *gunung*, *laut*, *langit* dan *batu*. Imbuhan ini diberikan sebanyak enam makna, iaitu ‘membuat’, ‘menjadi seperti’, ‘mengambil akan keadaan’, ‘seperti/berkeadaan’, ‘menuju sasaran’ dan ‘berlaku seperti/menyerupai sesuatu’. Za’ba (1958) memberi tiga makna, iaitu ‘membuat’, ‘menjadi seperti’ dan ‘mengambil akan keadaan’; Nik Safiah et al. (1993) memberi dua makna, iaitu ‘menuju sasaran’ dan ‘berlaku seperti/menyerupai sesuatu’ dan Asmah (1980) dan Arbak (1989) masing-masing memberi satu makna, iaitu ‘menjadi seperti’ dan ‘seperti/berkeadaan’. Penemuan isu polisemi dalam perkataan-perkataan ini menunjukkan ada ketaksaaan dalam imbuhan awalan *meN-*. Hal ini menyokong kenyataan Kempson (1977) yang berbunyi, “lexical ambiguity is seen as involving two or multiple lexemes with distinct senses (and may, as we saw above, include both homonym and polysemy)” (p. 125), iaitu ketaksaaan leksikal melibatkan dua atau lebih leksem dengan makna yang berbeza (termasuk homonim dan polisemi). Polisemi merujuk hubungan kata atau frasa yang mempunyai etimologi yang sama (Kamus Linguistik, 1997). Kata nama konkrit ialah kata nama tak bernyawa yang merujuk kepada benda yang konkrit, yakni benda yang boleh dilihat dengan mata dan disentuh dengan jari atau bahagian badan lainnya, dihidu dengan hidung dan didengar dengan telinga (Asmah 1980). Kata nama konkrit *busut*, *bukit*, *gunung*, *laut*, *langit*, dan *batu* merupakan kata yang berunsurkan alam. Oleh yang demikian, penulis mengelaskan kata-kata tersebut kepada kata nama konkrit unsur alam. Istilah unsur alam turut digunakan oleh Zaitul Azma dan Ahmad Fuad (2011) bagi contoh *hujan*, *bumi*, *pohon* dan *panas*.

Za’ba (1958); Asmah (1980); Arbak (1989); dan Nik Safiah et al. (1993) lebih menumpukan padanan bentuk atau alomorf *meN-* dan fungsinya dalam sesuatu ayat. Mereka menyenaraikan sebanyak 41 makna imbuhan awalan *meN-*. Makna yang pelbagai ini disebabkan oleh penggunaan istilah yang terlalu banyak untuk konsep dan aspek yang sama. Sebagai contoh, sebanyak enam makna diberikan untuk *membusut*, *membukit*, *menggunung*, *melaut*, *melangit* dan *membatu* oleh penahu terdahulu. Makna-makna tersebut ialah ‘membuat’, ‘menjadi seperti’, ‘mengambil akan keadaan’, ‘seperti/berkeadaan’, ‘menuju sasaran’ dan ‘berlaku seperti/menyerupai sesuatu’. Dengan itu, ia boleh mengelirukan pemakai bahasa Melayu dari segi makna yang harus dipilih. Huraian makna imbuhan awalan *meN-* yang diberikan oleh penahu terdahulu tidak dapat menyelesaikan masalah kepelbagaian makna dalam imbuhan awalan *meN-*. Namun begitu, kajian mereka merupakan perintis kepada kajian mengenai makna imbuhan awalan *meN-* pada hari ini.

Justeru, objektif kajian ini ialah mengenal pasti ketaksaaan dalam imbuhan awalan *meN-* berdasarkan kajian terdahulu, menganalisis ketaksaaan dalam imbuhan awalan *meN-* dengan kata nama konkrit unsur alam menggunakan teori Relevans dan mengkategorikan semula imbuhan awalan *meN-* dengan kata nama konkrit unsur alam oleh kajian terdahulu.



Metodologi


Kajian ini mengaplikasikan proses kajian kualitatif Bryman (2008) dan menggunakan data korpus Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) yang bersumberkan akhbar, buku, efemeral, kertas kerja, majalah, perbualan dan teks sastera. Kajian ini berbantuan teori Relevans yang diperkenalkan oleh Sperber dan Wilson (1986) dan diperkembangkan pada tahun 1995. Dalam teori ini, semantik dibantu oleh pragmatik yang menekankan hubungan mesti antara kognisi dan komunikasi (Nor Hashimah, 2014). Secara tidak langsung, segala makna dapat disingkap secara saintifik. Konsep-konsep seperti konteks, kesan konteks dan usaha memproses maklumat dijadikan peranti untuk membedah makna yang hendak dicapai. Konsep tambahan seperti persekitaran kognitif dan ujaran atau maklumat bermanifestasi membantu memudahkan pentafsiran makna dilakukan. Malah dua konsep baru sebagai tambahan kepada teori Relevans, iaitu konsep rangka rujuk silang (Kempson, 1986) dan konsep *ad hoc* (Barsalou, 1987) menjadikan kajian makna lebih objektif.

Dapatan

Penulis menemui, tiga (3) dapatan kajian. Dapatan kajian yang pertama ialah imbuhan awalan *meN-* dengan kata nama konkrit unsur alam bersifat taksa. Masalah polisemi dalam imbuhan awalan *meN-* berlaku apabila imbuhan awalan *meN-* hadir dengan kata nama konkrit unsur alam *busut*, *langit*, *bukit*, *gunung*, *laut* dan *batu*. Oleh hal demikian, imbuhan ini dikatakan sebagai taksa.

Dapatan kajian yang kedua ialah ketaksaan imbuhan awalan *meN-* dengan kata nama konkrit unsur alam dapat dianalisis menggunakan teori Relevans. Untuk imbuhan ini, penulis mencadangkan makna metafora yang dikategorikan kepada 'metafora perbandingan melampau *seperti*', 'metafora perbandingan eksplisit *seperti*' dan 'metafora perbandingan implisit *seperti*'. Imbuhan ini mendukung makna yang diberikan oleh Arbak (1989), iaitu makna 'seperti'. Makna yang didukung oleh imbuhan ini adalah berdasarkan interaksi imbuhan ini dengan klausa-klausa yang hadir bersama-samanya. Bagi maksud 'metafora perbandingan melampau *seperti*' yang memberi gambaran yang berlebih-lebihan antara sesuatu perkara dengan perkara yang lain, imbuhan ini perlu didahului oleh bentuk jamak [+jamak] dan [+kata sifat ukuran saiz]. Bagi maksud 'metafora perbandingan eksplisit *seperti*' yang menyamakan sesuatu perkara dengan perkara yang lain, imbuhan ini perlu didahului oleh [+kata sifat ukuran saiz/tabii]. Bagi maksud 'metafora perbandingan implisit *seperti*' yang menyebutkan sesuatu maksud dengan diumpamakan atau dikiaskan kepada sesuatu perkara lain, imbuhan ini perlu didahului oleh [+kata nama konkrit] dan [+kata sifat ukuran saiz/tabii].

Rajah 1.0 menunjukkan hubungan pemetaan konsep *ad hoc* penyempitan bagi ketaksaan imbuhan awalan *meN-* dengan kata nama konkrit unsur alam. Untuk makna 'metafora perbandingan implisit *seperti*', pembaca akan memilih inferens yang paling relevan dalam konteks C* bagi imbuhan awalan *meN-* dengan kata nama konkrit unsur alam *busut*, *langit*, *batu*, *bukit* dan *gunung*. Bagi makna 'metafora perbandingan eksplisit *seperti*', inferens relevan akan dipilih dalam lingkungan C** bagi imbuhan awalan *meN-* dengan kata nama konkrit unsur alam *busut*, *langit*, *batu*, *bukit*, *laut* dan *gunung*. Sementara itu, untuk makna 'metafora perbandingan melampau *seperti*', inferens yang relevan dipilih dalam lingkungan C*** untuk imbuhan awalan *meN-* dengan kata nama konkrit *busut*, *langit*, *bukit*, *laut* dan *gunung*. Inferens lain dalam lingkungan leksikal (L) akan digugurkan. Setiap makna metafora ini mungkin berkongsi ciri yang sama dengan makna lain, bergantung pada konteks.



Rajah 1.0: Hubungan pemetaan konsep ad hoc penyempitan bagi ketaksaan imbuhan awalan meN- dengan kata nama konkrit unsur alam

Dapatan kajian yang ketiga ialah kajian ini dapat mengkategorikan semula makna imbuhan awalan *meN-* dengan kata nama konkrit unsur alam oleh kajian terdahulu. Imbuhan ini diberikan sebanyak enam makna oleh penahu terdahulu, iaitu 'membuat', 'menjadi seperti', 'mengambil akan keadaan', 'seperti/berkeadaan', 'menuju sasaran' dan 'berlaku seperti/menyerupai sesuatu'. Penulis mengambil makna 'seperti' oleh Arbak (1989) tetapi mengkategorikan semula makna tersebut kepada makna 'metafora' yang terdiri daripada 'metafora perbandingan melampau *seperti*', 'metafora perbandingan eksplisit *seperti*' dan 'metafora perbandingan implisit *seperti*'. Makna 'menuju sasaran' dikekalkan untuk kata *melaui* yang ditemui oleh penulis. Makna 'membuat' digugurkan kerana penulis tidak menemui imbuhan ini mengimplikasikan makna tersebut dalam data korpus DBP. Makna imbuhan ini oleh para pengkaji digambarkan seperti dalam Rajah 2.0. Makna imbuhan ini dikategorikan semula bertujuan untuk menyelesaikan masalah kepelbagaian makna yang terdapat dalam imbuhan ini. Kepelbagaian makna ini disebabkan oleh pemberian istilah yang pelbagai untuk konsep dan aspek yang sama. Kepelbagaian makna dalam imbuhan ini akan menyebabkan proses pembelajaran bahasa Melayu terencat kerana pengguna bahasa Melayu sukar untuk menentukan makna yang sesuai untuk imbuhan ini. Rujukan makna yang pelbagai menyebabkan sesuatu interpretasi makna itu menjadi taksa. Pengkategorian semula makna imbuhan ini, yang dilakukan oleh penulis memudahkan lagi proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu.



Bil.	Makna	Penahu Terdahulu				Nurul Huda (2024)
		Za'ba (1958)	Asmah (1980)	Arbak (1989)	Nik Safiah et al. (1993)	
1.	Membuat	<i>membusut, melangit</i>				a. 'Metafora perbandingan melampau seperti': <i>membusut, melangit, membukit, melaut, menggunung</i>
2.	Mengambil akan keadaan					
3.	Menjadi seperti		<i>Membatu</i>			
4.	Berlaku seperti/ menyerupai sesuatu				<i>membukit, membusut</i>	b. 'Metafora perbandingan eksplisit seperti': <i>membusut, melangit, membatu, membukit, melaut, menggunung</i>
5.	Seperti			<i>menggunung, melaut, membatu</i>		
6.	Berkeadaan					
7.	Menuju sasaran				<i>melaut</i>	<i>melaut</i>

Rajah 2.0 Makna imbuhan awalan *meN-* dengan kata nama konkrit unsur alam

Perbincangan dan Kesimpulan

Kajian yang dilakukan menggunakan teori Relevans, bersandarkan konsep rangka rujuk silang dan *ad hoc* telah berjaya menghuraikan ketaksaaan dalam imbuhan awalan *meN-* dengan kata nama konkrit unsur alam. Kajian ini telah menyumbang kepada tiga kepentingan. Pertama, kajian ini dapat menambah baik kajian nahu Melayu, yang sebelum ini telah terlepas pandang oleh penahu terdahulu. Sehubungan dengan itu, kajian ini merupakan pemangkin kepada penambaaian kajian nahu Melayu. Kedua, kajian ini membudayakan kajian yang menggunakan data autentik, iaitu dapat mencerminkan penggunaan sebenar bahasa Melayu oleh penutur aslinya. Secara langsung, kajian ini membuktikan bahawa kajian korpus boleh memberi pendekatan yang lebih baik. Ketiga, kajian ini memperkaya ilmu linguistik yang semakin berkembang. Kajian yang dihasilkan akan menjadi rujukan kepada pengkaji seterusnya berkenaan dengan masalah nahu Melayu.



Penyataan Etika

Pengarang telah membaca dan mematuhi keperluan etika untuk penerbitan dalam Data Secara Ringkas dan mengesahkan bahawa kerja semasa tidak melibatkan subjek manusia, eksperimen haiwan atau sebarang data yang dikumpul daripada platform media sosial.

Penyataan Kredit Penulis

Nurul Huda Mohd Saad: Pengkaji dan penulis; Nor Hashimah Jalaluddin: semakan dan penyuntingan.

Penghargaan

Penyelidikan ini telah dijalankan di bawah Geran Latihan Institut Kepimpinan dan Pembangunan (ILD) UiTM

Deklarasi Bebas Kepentingan

Penulis mengisytiharkan bahawa mereka tidak mempunyai kepentingan kewangan yang bersaing atau hubungan peribadi yang mempengaruhi kerja yang dilaporkan dalam kertas kerja ini.

Rujukan

- Arbak Othman. (1989). *Imbuhan dalam bahasa Melayu*. Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Asmah Omar. (1980). *Nahu Melayu Mutakhir*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Barsalou, L.W. (1987). The instability of graded structure in concepts. In Neisser, U. (Ed.), *Concepts and conceptual development: Ecological and intellectual factor in categorization* (pp. 101-140). Cambridge University Press.
- Bryman, A. (2008). *Social research methods*. (3rd ed.). Oxford University Press.
- Kamus Linguistik. (1997). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kempson, R.M. (1977). *Semantic theory*. Cambridge University Press.
- Kempson, R.M. (1986). Ambiguity and the semantics and pragmatics distinction. In Travis, C. (Ed.), *Meaning and interpretation* (pp. 77-103). Blackwell.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Musa & Abdul Hamid Mahmood. (1993). *Tatabahasa Dewan Edisi Baharu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2014). *Semantik dan akal budi Melayu*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sperber, D. & Wilson, D. (1986). *Relevance: Communication and cognition*. Blackwell.
- Sperber, D. & Wilson, D. (1995). *Relevance: Communication and cognition* (2nd ed.). Blackwell.
- Za'ba. (1958). *Pelita Bahasa Melayu Penggal I*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zaitul Azma Zainon Hamzah, & Ahmad Fuad Mat Hassan. (2011). Bahasa dan pemikiran dalam peribahasa Melayu. *GEMA OnlineTM Journal of Language Studies*, 11(3).
https://www.researchgate.net/publication/270219170_Bahasa_dan_Pemikiran_dalam_Peribahasa_Melayu.